

Empat bot nelayan Vietnam jadi tukun

H/18/8/2023 Ms: 24

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Terengganu melupuskan dengan menenggelamkan empat bot nelayan Vietnam yang dilucut hak berhampiran Pulau Susu Dara, Besut, semalam.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Khairulnuar Abd Majid berkata, pihaknya menggunakan kaedah menenggelamkan bot untuk dijadikan tukun tiruan.

Beliau berkata, pelupusan empat bot itu menggunakan kaedah menenggelamkan sebagai tukun satu inisiatif memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta simbolik kepada keseriusan Maritim Malaysia mengekang kemasukan nelayan asing ke perairan negara secara haram.

"Empat bot itu bot nelayan asing Vietnam yang ditahan serta dilucut hak oleh mahkamah sepanjang tahun 2022 atas kesalahan menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.



“
Empat bot
nelayan asing
Vietnam dilucut
hak oleh
mahkamah
Khairulnuar

MARITIM Malaysia Negeri Terengganu melupuskan dan menenggelamkan empat bot nelayan Vietnam yang dilucut hak dengan menjadikan tukun tiruan berhampiran Pulau Susu Dara, Besut.

"Keempat-empat bot ini ditahan melalui op naga barat dan op kuda laut yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu.

"Proses menenggelamkan semua bot ini agak mencabar kerana cuaca tidak menentu, hujan lebat dan ombak bergelora selain

angin bertiup kencang," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Khairulnuar berkata, pelupusan itu yang ke-16 dalam tahun ini oleh Maritim Negeri Terengganu dan dijangkakan 20 bot lagi bakal ditenggelamkan apabila mendapat pelucutan

hak daripada mahkamah pada tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya sudah melupuskan 165 bot sudah menerusi kaedah ditenggelamkan sebagai tukun di sepanjang perairan Terengganu atau hancur musnah oleh Maritim Negeri Terengganu.